

NO. SOALAN : 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap golongan LGBT di negara ini dan nyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan orang Islam tidak terjebak dengan aktiviti golongan LGBT ini serta langkah Kerajaan bagi memulihkan orang Islam yang terlibat dengan LGBT ini.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Malaysia melalui YAB Perdana Menteri telah menegaskan dalam kenyataan beliau yang terkini pada 16 Jun 2019 di Cambridge Union, United Kingdom. Beliau menyatakan bahawa, Malaysia bertegas tidak akan mengalah kepada sebarang tekanan untuk menerima amalan songsang di kalangan rakyat negara ini, terutamanya yang melibatkan unsur Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT). YAB Perdana Menteri juga menegaskan bahawa Malaysia seharusnya berpegang teguh kepada nilai-nilai moral berlandaskan adat, budaya dan agama yang sekian lama diterapkan di kalangan masyarakat tempatan.

2. Justeru, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi agama Islam peringkat Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, telah mengambil inisiatif dengan

NO. SOALAN : 1

melaksanakan Program Pendidikan dan Advokasi Berkaitan Isu LGBT berbentuk seminar yang mensasarkan masyarakat awam termasuk pelajar-pelajar sekolah, universiti awam dan swasta (UA/US), kaunselor sekolah/UA/US, ibu bapa, sukarelawan sosial Islam, staf kesihatan dan wakil NGO sosial Islam.

3. Seminar ini membincangkan isu LGBT dari aspek psikososial, psikologikal, psikospiritual dan kesihatan agar peserta mendapat maklumat dan kemahiran yang tepat bagi menghindari perlakuan LGBT serta membantu golongan yang terlibat untuk meninggalkan perlakuan LGBT. Sepanjang tahun 2018 dan 2019, JAKIM telah melaksanakan seminar berikut yang telah menarik penyertaan seramai 1900 orang peserta sebagaimana butiran berikut:

| Bil. | Tempat | Tarikh | Jumlah Peserta |
|------|--|------------------|----------------|
| 1. | Auditorium Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu | 29 Julai 2018 | 400 orang |
| 2. | Pusat Islam Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) | 24 Oktober 2018 | 400 orang |
| 3. | Kompleks Masyarakat Penyayang Pulau Pinang | 29 Oktober 2018 | 400 orang |
| 4. | Pusat Dakwah Islamiah Paroi, Negeri Sembilan | 14 Februari 2019 | 350 orang |
| 5. | Dewan Seminar Masjid Jamek Bandar Kluang, Johor | 29 April 2019 | 350 orang |
| 6. | Dewan Besar Balai Islam, Kompleks Islam Darul Naim, Kelantan | 27 Ogos 2019 | 500 orang |

4. Selain itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif menyantuni golongan ini dengan melaksanakan aktiviti temuseru (*outreach*) ke kawasan yang dikenalpasti serta mengajak mereka yang beragama Islam menyertai program rawatan

NO. SOALAN : 1

dan pemulihan ('Ilaj wa Syifa') secara sukarela iaitu Program Mukhayyam yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2011 dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Sehingga tahun 2019, seramai 1480 orang komuniti LGBT yang beragama Islam telah menyertai Program Mukhayyam ini dengan menekankan lima (5) elemen penting iaitu kesedaran kerohanian, bimbingan fardhu ain, kesedaran kesihatan, motivasi diri serta aktiviti riadah.

5. JAKIM juga dengan kerjasama Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM) telah menjadi rakan strategik kepada NGO Hijrah LGBT seperti Pertubuhan Hijrah Republique yang berpusat di Ampang dan Kedah, Usrah Iqrak di Putrajaya, Persatuan Insaf Pahang di Kuantan, My Hijrah My Adventure di Johor Bharu, Kifahuna Jemaa di Kelantan, T-Fitrah di Terengganu, Usrah Fitrah dan Pertubuhan Insan Permata Disayangi di Selangor. Mereka merupakan komuniti LGBT yang telah berhijrah dan kini melaksanakan aktiviti susulan selepas Program Mukhayyam JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri seperti usrah dan kelas pengajian, sebagai suatu bentuk sokongan dan bimbingan yang berterusan (*peer support*) kepada mereka yang masih terlibat dengan perlakuan LGBT, agar dapat melakukan perubahan secara konsisten dan berpanjangan.

Sekian, terima kasih.